

24 JAN 2002

Indon-Lawatan/I

NAIB PRESIDEN INDON MAHU KE MALAYSIA BERHUBUNG ISU PEKERJA

JAKARTA, 24 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Indonesia Hamzah Haz bercadang untuk ke Malaysia menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung insiden rusuhan oleh para pekerja Indonesia.

Hamzah menyatakan hasratnya itu semasa mengadakan perjumpaan dengan para pegawai Gabungan Serikat Pekerja Merdeka Indonesia (Gaspermindo) di Istana naib presiden di sini hari ini.

Ketua Gaspermindo Jumhur Hidayat memetik Hamzah sebagai berkata bahawa langkah itu penting berdasarkan keputusan Malaysia untuk menanggukkan sementara pengambilan pekerja Indonesia berikutan dua rusuhan baru-baru ini.

Langkah itu akan menjejaskan beribu-ribu pekerja Indonesia yang berhasrat mencuba nasib di negara jiran yang lebih makmur selepas mereka gagal mendapatkan pekerjaan di tanahair sendiri.

Jumhur berkata adalah wajar bagi Hamzah untuk meneruskan rancangannya kerana kes ini tidak patut dikendalikan di peringkat menteri tetapi memerlukan campurtangan di peringkat lebih tinggi.

Beliau berkata kunjungan naib presiden atau Presiden Megawati Sukarnoputri sendiri akan lebih berhasil dalam memulihkan hubungan dan menyelesaikan isu itu.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa mengumumkan dasar Malaysia menghentikan sementara pengambilan pekerja Indonesia, berkata satu pasukan pengawal perairan akan ditubuhkan untuk menghalang kemasukan secara haram melalui pantai Malaysia.

Pendirian tegas itu diambil berikutan rusuhan pada 17 Jan di sebuah kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan apabila sekumpulan 500 pekerja Indonesia menterbalikkan kenderaan polis, merosakkan harta benda dan membaling pelbagai objek ke arah polis.

Mereka membantah tindakan polis cuba menahan 16 pekerja rakan mereka yang didapati positif ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Pada Ahad lepas, kira-kira 70 rakyat Indonesia, yang bersenjatakan parang telah mengganas, memusnahkan gerai makan yang diusahakan pekerja asing lain di Kampung Limau Manis, Dengkil, Selangor.

Menteri Tenaga Manusia dan Transmigrasi Jacob Nuwa Wea, tiga hari lepas telah meminta maaf kepada Malaysia terhadap perangai buruk para pekerja itu.

Sementara itu sekumpulan pelobi di sini telah mengkritik Malaysia kerana mengambil tindakan keras terhadap para pekerja Indonesia dan terlalu tergesa-gesa menghantar pulang, mereka yang terlibat dalam rusuhan itu.

Ia dilakukan tanpa menyelesaikan dahulu siasatan terhadap insiden itu yang jelas tercetus kerana tuduhan penyalahgunaan dadah terhadap para pekerja itu yang diragui, kata kumpulan yang menggelar diri mereka Konsortium Pembelaan Buruh Migrasi Indonesia dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA

OPP RON